

Telefon pintar awasi anda

Akibat kesilapan berkongsi maklumat peribadi dan aktiviti secara berleluasa di media sosial

SEDARCAH anda sebagai seorang pengguna media sosial sebenarnya segala pergerakan dan aktiviti anda sentiasa boleh diperhatikan dan dipantau oleh seseorang mahupun organisasi tertentu. Cuma, adakah anda memiliki kepentingan kepada mereka ataupun tidak?

Menurut Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Mohd. Azul Mohamed Salleh**, masyarakat jaringan (dalam talian) di negara ini bermula pada tahun 1995. Jelasnya, keadaan tersebut terbentuk apabila agenda Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

mengenahkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai hala tuju negara mengharungi era abad ke-21. "Penggunaan media sosial yang begitu rancak dalam kalangan generasi Y juga dilihat sesuatu yang boleh memberi impak negatif kepada masyarakat negara ini.

"Sebuah buku yang bertajuk *Saya Tahu Siapa Anda dan Saya Lihat Apa Yang Anda Lakukan (I Know Who You Are and I Saw What You Did)* ditulis oleh Lori Andrews pada tahun 2011 telah membuka mata saya untuk menjalankan kajian ini," katanya ketika ditemui di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Tambah Dr. Mohd. Azul lagi, buku tersebut telah mencetuskan idea untuk beliau menjalankan satu penyelidikan bagi mencari makna sebenar kata-kata penulis tersebut.

"Lebih-lebih lagi dalam persekitaran masyarakat hari ini yang amat rancak menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian mereka.

"Hampir apa jua aktiviti yang mereka lakukan akan dimuat naik ke laman sosial seterusnya membuka peluang pelbagai pihak untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkenaan mereka untuk pelbagai tujuan," katanya.

Perkembangan dan pembangunan teknologi maklumat, sebagai contoh Web 2.0 dan aplikasi komunikasi telah melebarkan kewujudan masyarakat jaringan pada hari ini.

Hal demikian memberi peluang kepada pengguna untuk bergiat aktif berkomunikasi, menghasilkan kandungan berbentuk digital, berkongsi maklumat dan membina 'persona' mereka sendiri. Kesemua perkara tersebut boleh dibina

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriq.ahmad@utusan.com.my

dalam pelbagai aplikasi media sosial yang ada pada hari ini seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan Instagram.

Aplikasi yang boleh dicapai melalui Internet melengkapkan lagi inspirasi untuk mentransformasikan masyarakat yang dahulunya hanya berteraskan kepada pertanian dan perindustrian kepada masyarakat digital. Menerusi kepelbagaian aplikasi tersebut memberi peluang kepada pengguna untuk berkongsi teks, visual, grafik, audio, dan video masing-masing secara digital.

Perkongsian elemen-elemen tersebut melalui media sosial memberi peluang kepada pengguna mencipta satu jaringan komuniti di alam maya yang boleh dibaca, dilihat, didengar dan ditonton oleh



PENGUNAAN teknologi digital termasuk telefon bimbit memungkinan penggunaannya diawasi - GAMBAR HIASAN



pelbagai latar belakang pengguna.

Konsep tersebut telah mewujudkan satu fenomena perkongsian maklumat dalam satu jaringan yang cukup besar.

"Setiap pengguna boleh mengetahui apa yang dikongsi oleh pengguna lain. Mereka juga boleh mengetahui aktiviti yang sedang dijalankan oleh seseorang pengguna media sosial lainnya.

"Oleh demikian sejauh manakah pengguna pada media sosial memiliki kesedaran, kefahaman, dan pengetahuan bahawa ada pengguna lain sedang memerhatikan mereka?" katanya.

Tambah Dr. Mohd. Azul, pihaknya mendapati aplikasi media sosial memberi kuasa dan ruang kepada masyarakat dalam pelbagai tugas dan aktiviti harian seperti perniagaan dan berkongsi maklumat penting.

Bagaimanapun sejauh manakah masyarakat menyedari atau terfikir akan isu-isu privasi, keselamatan, pengawasan yang perlu dikawal oleh mereka?

Rata-rata pengguna media sosial mungkin tidak menyedari wujudnya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial sewaktu mereka melayari sesebuah media sosial.

"Sedarlah, anda harus sentiasa berwaspada dan berhenti seketika daripada lamunan kerancakan berinteraksi dalam laman sosial dan fikirkan isu ini," katanya.

Kajian berkenaan hal tersebut masih dijalankan olehnya dari pelbagai aspek lagi. Apa yang pasti, telefon pintar yang berada di tangan anda juga kini merupakan sebuah kamera litar tertutup (CCTV) yang bergerak dan mungkin boleh digunakan oleh seseorang untuk mengumpul maklumat.

"Bayangkan 'kamera CCTV' ini bukan lagi berada di dinding mahupun tiang-tiang tertentu bagi mengawasi anda tetapi di tangan hampir 1.63 billion pengguna telefon pintar di dunia," katanya.